



**DR. SHAHRIM**

# Raikan kepelbagaian menu tradisi masyarakat luar

MAKANAN sememangnya menjadi 'alatan' yang menyatukan pelbagai kaum dan bangsa di negara ini.

Malah, aspek penyatuan bangsa melalui makanan boleh dilihat pada pelbagai jenis makanan warisan yang berasal daripada sesuatu budaya, yang kemudiannya dikembang serta disesuaikan dengan budaya yang lain.

Pakar makanan kulinari warisan dan antarabangsa Universiti Putra Malaysia, Dr. Shahrim Karim berkata, terdapat pelbagai menu makanan yang berasal dari negara lain yang seterusnya dibawa ke Malaysia dan menjadi menu yang menyatukan pelbagai bangsa.

"Sebelum pembentukan Malaysia, kita sedia maklum bahawa terdapat pelbagai kaum dari luar seperti Cina dan India yang berhijrah dan menetap di negara ini.

"Mereka kemudiannya membawa budaya dan makanan-makanan tradisi masyarakat masing-masing sebelum mengkaji selera masyarakat tempatan."

"Selepas itu, makanan tadi dijadikan satu menu lazat yang sesuai dengan sesuatu masyarakat," katanya.

Tambah beliau lagi, ia menjadikan menu tradisi masyarakat negara lain itu tadi kian diminati oleh penduduk di negara ini.

"Jika dilihat, menu-menu yang lazimnya dikaitkan dengan sesuatu kaum tertentu turut boleh dihasilkan atau dimasak oleh bangsa lain memandangkan ia sudah sebatik dengan kita sebagai rakyat Malaysia."

"Elemen sebegini menjadikan Malaysia begitu unik dan ia secara tidak langsung menceritakan tentang perpaduan masyarakat tempatan menerusi makanan," katanya.